

# Krisis DAP usaha menentang diktator — Dr. M

KUALA LUMPUR, Sabtu-Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menganggap pergolakan dalam DAP sekarang sebagai usaha ahli-ahli DAP sendiri menentang sikap diktator untuk menyingkir ahli-ahli yang mengkritik pucuk pimpinan.

Oleh **JAMALUDDIN ABU BAKAR**

Demikian Pemangku Perdana Menteri mengulas tindakan Ahli Parlimen Kota Melaka dan ADUN Tenggera, Encik Chan Teck Chan, mengisytiharkan keluar dari DAP semalam.

Encik Chan memutuskan keluar dari parti kerana dituduh membocorkan rahsia parti mengenai pilihan raya kecil Pengkalan Kota, kepada akhbar.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, "Ramalan saya tempoh hari mengenai perletakan jawatan Setiausaha Agung parti nampaknya tepat. Dan Lim sekarang berusaha menguatkan kedudukannya dengan menyingkir pengkritik-pengkritiknya."

"Dari awal lagi saya telah meramalkan bahawa Lim itu tidak akan meletakkan jawatan Setiausaha Agung. Saya tidak fikir orang yang mempunyai cita-cita besar seperti Lim itu akan meletakkan jawatan parti."

Mengenal orang yang keluar DAP akan Barisan Nasional terima atau tidak. Tengku Razaleigh mencelah, "Ahli BN sekarang terlalu ramal."

Sementara itu di PULAU PINANG, Ketua DAP Pulau Pinang, Encik Karpal Singh, menyatakan beliau tidak mendengar sesiapa pun akan keluar dari parti, di negeri itu.

Tidak wujud salah

mempersalah tentang kekalahan DAP di Pengkalan Kota lalu, katanya.

"Tidak siapa yang akan keluar dari parti. Dan kami akan mengadakan jamuan makan malam. Mereka yang dikatakan akan keluar parti itu akan hadir sama di Sungai Bakap," tambah Encik Ooi Ean Kwong (ADUN) Kampung Kolam.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia